

# Terengganu mula dilanda bah

## Penduduk 4 kampung dipindah

Oleh Azman Mahmood, Suhaidi Mohamed Amin, Nazdy Harun dan Zarina Abdullah  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Seramai 733 penduduk empat kampung di Kerteh dan Kemasek, Kemaman dipindahkan apabila kawasan kediaman mereka dilanda banjir sedalam hampir satu meter berikutan hujan lebat sejak dua hari lalu.

Setakat jam 10 malam semalam, 98 mangsa dari Kampung Baru Kerteh dan Kampung Chabang Kerteh masing-masing dipindahkan ke

dewan orang ramai Pekan Kerteh, Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Chabang, Kerteh.

Selain itu, Sekolah Kebangsaan Kemasek menamatkan 546 mangsa diikuti Kampung Gong Cengal Kemasek (39) dan Kampung Kukuran, Kemasek (50).

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendent Abdullah Sani Salat berkata, semua mangsa dipindahkan sejak jam dua petang semalam apabila hujan lebat tidak berhenti-henti termasuk jalan raya di Pekan Kerteh dinaiki air sedalam 0.6 meter.



SATU daripada jalan di Kerteh ditenggelami air akibat hujan lebat yang melanda semalam.

Katanya, selain itu Balai Polis Kerteh dan enam kuarters perumahan polis di situ turut ditenggelami air juga sedalam hampir satu meter sejak jam dua petang semalam.

“Walaupun balai kini ditenggelami banjir sehingga

paras lutut, operasi di balai tetap berjalan seperti biasa dan semua anggota sudah diarah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan jika banjir semakin besar,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdullah Sani berkata, Jalan Kuala Terengganu-Kuantan di Kilometer 116 iaitu di lorong menghala ke Kuantan berhampiran pekan Kerteh juga ditenggelami air sedalam hampir satu meter sepanjang 500 meter manakala Jalan Kerteh ke Batu Putih dan ke Lapangan Terbang Kerteh dinaiki air tetapi masih boleh dilalui kenderaan ringan.

Katanya, di Kilometer 115 juga jalan yang sama di lorong menghala ke Kuala Terengganu mengalami mendeda sedalam dua meter yang juga membabitkan seluas dua meter.

Bagaimanapun, katanya jika hujan lebat berterusan sehingga lewat malam, kemungkinan beberapa batang jalan lagi di sekitar pekan ini turut terjejas atau pun terpaksa ditutup kepada kenderaan ringan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Kemasek, Rosli Othman yang membuat tinjauan ke kawasan terjejas dengan banjir itu berkata, Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Kemasek membuka bilik gerakan banjir di Dewan Sivik Pekan Kemasek bagi menyalurkan bantuan.

Katanya, segala persiapan seperti bot, bekalan makanan dan keperluan lain untuk mangsa banjir sudah disediakan.

Sementara itu, Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika dihubungi, berkata sehingga jam 6 petang ini semua paras air sungai utama di negeri ini masih lagi berada pada paras biasa.

“Sehingga kini, satu bilik gerakan banjir di daerah Kemaman saja dibuka bagi membantu penduduk yang terjejas dengan kejadian banjir khususnya di kawasan terjejas di pekan Kerteh sekarang,” katanya.



BALAI polis Kerteh dinaiki air berikutan hujan lebat, semalam

“Walaupun balai kini banjir sehingga paras lutut, operasi di balai tetap berjalan seperti biasa dan semua anggota sudah diarah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan banjir semakin besar”

**Abdullah Sani Salat**  
Ketua Polis Daerah Kemaman